

02 DEC 1999

Mahathir-Kabinet

ADA MUKA BARU DALAM KABINET, KATA DR MAHATHIR

LANGKAWI, 2 Dis (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata susunan Kabinet akan mengandungi muka baru bagi menggantikan menteri-menteri yang kalah atau yang tidak bertanding pada pilihan raya umum Isnin lepas.

"Saya rasa pasti akan terdapat muka-muka baru kerana sesetengah menteri kalah dan sesetengahnya pula tidak bertanding pada pilihan raya," kata beliau ketika menjawab pertanyaan pada persidangan berita semasa pameran LIMA '99.

"Tempat mereka tentulah perlu digantikan," kata Dr Mahathir selepas melancarkan Persatuan Industri Aeroangkasa Malaysia (MAIA) di Pusat Pameran Antarabangsa Mahsuri di sini.

Empat menteri yang tewas ialah Menteri Kewangan Kedua dan Menteri Pembangunan Usahawan Datuk Mustapa Mohamed, Menteri Pembangunan Luar Bandar Datuk Annuar Musa, Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Paduka Abdul Hamid Othman dan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Datuk Seri Megat Junid Megat Ayob.

Datuk Lim Ah Lek (Sumber Manusia) dan Abang Abu Bakar Mustaffa (Pertahanan) tidak bertanding semula manakala Datuk Tajol Rosli Ghazali (Menteri Di Jabatan Perdana Menteri) bertanding bagi kerusi Dewan Undangan Negeri.

Ketika ditanya mengenai masa depan Mustapa, Dr Mahathir berkata: "Saya belum memikirkan mengenai perkara itu... saya sibuk melihat kapal terbang."

Sebelum itu, ketika melawat pameran syarikat-syarikat aeroangkasa Malaysia, Perdana Menteri berjaya mendaratkan pesawat turbo PC-7 di lapangan terbang antarabangsa Langkawi. Beliau berada dalam kokpit imej simulator berkomputer.

Pameran Antarabangsa Maritim dan Angkasa Langkawi (Lima) diadakan selama enam hari bermula 30 Nov. Bahagian maritime dianjurkan oleh HW LIMA manakala bahagian aeroangkasa oleh LIMA Le Proton.

Pameran itu yang menarik penyertaan kira-kira 1,000 syarikat tempatan dan asing dibuka oleh Dr Mahathir semalam.

Menteri Besar Kedah Tan Sri Sanusi Junid dan Ketua Menteri Pulau Pinang Tan Sri Dr Koh Tsu Koon dijangka menemui Dr Mahathir lewat malam ini berkaitan penubuhan kerajaan negeri masing-masing.

Mereka dijangka menemui Dr Mahathir semasa majlis makan malam persendirian di sebuah hotel di sini.

Sementara itu, Menteri Besar Perlis Datuk Seri Shahidan Kassim, apabila ditemui di sini hari ini berkata beliau akan menemui Dr Mahathir di Putrajaya Isnin ini untuk membincangkan penubuhan kerajaan negeri itu.

-- BERNAMA

NH RM NMO